

Lima pasukan UMS finalis MyInovasi 2014

UM 5.11.2014 26

KOTA KINABALU 4 Nov. - Lima pasukan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam penyertaan MyInovasi 2014 terpilih sebagai antara 50 finalis bagi pertandingan akhir yang akan berlangsung pada 15 dan 16 Disember ini.

Kelima-lima pasukan itu menjadi pilihan juri melalui beberapa projek inovasi iaitu Pembersih Pantai, Sistem Pendingin Perhentian Bas Mesra Alam, Penapis Air Hujan Tanah Liat Hibrid, *Porous Pavement* dan *Coconut Gravel*.

Penyelia projek, **Prof. Madya Dr. Nurmin Bolong** dari Fakulti Kejuruteraan UMS berkata, kejayaan penuntut dalam usaha melayakkan diri ke pertandingan akhir itu merupakan sesuatu yang membanggakan.

Ujarnya, selain satu pencapaian

baik kepada pihak universiti, hasil projek yang dihasilkan merupakan satu usaha kreatif penuntut dalam menghasilkan sesuatu bermanfaat kepada industri, masyarakat dan negara.

"Kekuatan projek-projek inovasi tersebut dijangka akan memberi impak dan manfaat secara langsung kepada industri dan masyarakat, selain dalam masa yang sama dapat menanam sifat keprihatinan terhadap keperluan masyarakat dan alam sekitar," katanya di sini baru-baru ini.

Kelima-lima finalis dari UMS itu turut menerima cek bernilai RM5,000 dalam satu majlis yang diadakan di Putrajaya.

Dalam pertandingan MyInovasi 2014 kali ini, pihak pengajur menerima penyertaan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta

melibatkan sebanyak 1,250 pasukan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, **Prof. Madya Dr. Ismail Ali** turut melahirkan rasa bangga dengan pencapaian tersebut.

Menurutnya, kejayaan itu juga sekali gus mampu menjadi pemandangan kepada budaya inovasi agar terus menjadi amalan warga kampus khususnya dalam kalangan mahasiswa yang sentiasa dahuaga mela-kar kejayaan.

"Kita mahu budaya inovasi yang berimpak tinggi ini akan terus mekar subur dalam UMS, seterusnya menjadikan universiti ini sebagai sebuah gedung ilmu pengajian tinggi dalam melahirkan graduan-graduan yang berdaya saing dan modal insan berminda kelas pertama," tambahnya.



LIMA pasukan dari UMS bersama sijil masing-masing setelah terpilih antara 50 peserta pertandingan akhir MyInovasi 2014 yang akan berlangsung pada 15 dan 16 Disember ini.